

# Kemenangan Mahathir penting di luar Malaysia



DI BAWAH ini adalah terjemahan rencana pengarang akhbar THE STRAITS TIMES Singapura, keluaran semalam, mengenai pemilihan pucuk pimpinan Umno.

TARIKH 24 April 1987 mencatatkan sejarah sebagai hari perwakilan Umno mengundi bagi mengekalkan pucuk pimpinan negara. Dalam pertandingan yang begitu sengit bagi menentukan presiden parti, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalahkan pencabarinya Tengku Razaleigh Hamzah dengan kelebihan 43 undi. Datuk Seri Dr Mahathir mendapat 761 undi sementara Tengku Razaleigh pula 718 undi. Walaupun mencapai kemenangan tipis, kemenangan itu melambangkan kuasa politik akar umbi.

Datuk Seri Dr Mahathir perlu bersyukur. Beliau dan pasukannya tidak pernah menghadapi cabaran yang begitu hebat sebelum ini. Dalam sejarah Umno, tradisi tidak pernah diancam seperti yang berlaku dalam pemilihau kali ini. Tetapi apabila

detik penentuan tiba selepas berkempen dengan begitu hebat, perwakilan Umno memilih untuk mengekalkan tradisi. Perwakilan memutuskan untuk mengekalkan tradisi kerana ingin menegakkan ketuanan Melayu di bidang politik, yang hanya dapat ditegakkan jika perpaduan dalam parti berkekalan.

Mereka yang arif mengenai politik Malaysia sedar betapa pentingnya Umno sebagai parti yang dapat menjamin ketuanan Melayu di bidang politik dan seterusnya kestabilan negara. Tema inilah yang dipilih oleh Datuk Seri Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya di perhimpunan agung sebelum perwakilan mula mengundi. Menurutnya, Umno mewakili harapan

orang Melayu. Umno pelindung agama Islam, orang Melayu dan negara. Pentingnya amanat beliau sudah tentu difahami oleh 1,479 perwakilan dari seluruh negara itu. Berdasarkan amanat itu, tidak hairanlah jika perwakilan tidak melanggar tradisi. Tambahan pula, melanggar tradisi dianggap perbuatan tidak selaras dengan kebudayaan orang Melayu. Mereka tidak mahu menjatuhkan juara bertahan dan mengugat perpaduan parti, atau lebih teruk lagi, menghancurkan Umno sama sekali.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir patut menerima tahniah kerana kejayaannya, lebih-lebih lagi kerana ada pihak yang meramalkan beliau akan tewas. Un-

tuk kali kedua dalam masa kurang setahun, beliau sekali lagi membuktikan ketahanan, keupayaan, ketahanan serta kemahiran politik. Ogos lalu, beliau memimpin Barisan Nasional mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya umum. Kemenangan beliau sudah tentu membawa kesan yang mendalam. Pemilihan kali ini adalah tamparan hebat kepada kepemimpinan beliau kerana dicabar dengan hebat kira-kira 10 bulan selepas kejayaan dalam pilihanraya umum. Walaupun dicabar dengan begitu hebat, Datuk Seri Dr Mahathir tidak pernah berkempen mempertahankan dirinya daripada tuduhan-tuduhan, sebaliknya beliau sentiasa berkempen untuk mengekalkan perpaduan parti. Walaupun cabaran semakin meningkat, beliau tidak gugup. Datuk Seri Dr Mahathir dapat menjawab atau menjelaskan tuduhan yang dilemparkan — beliau juga mengemukakan pelbagai dokumen kepada orang ramai untuk membuktikan tuduhan terhadapnya tidak berasas.

Bagaimanapun, kemenangan tipis itu melambangkan perpecahan dalam Umno serta ketidakpuasan terhadap beberapa dasar serta cara kepimpinan beliau. Keputusan itu sudah tentu digunakan oleh beliau untuk merancang tindakan masa depan. Datuk Seri Dr Mahathir sudah tentu akan berusaha meningkatkan perpaduan dalam parti supaya dapat menghadapi pelbagai masalah negara, terutama meningkatkan ekonomi. Beliau perlu melupakan cabaran terhadap jawatan Presiden yang baru dilalui. Umno dan Malaysia tidak boleh lagi menghabiskan tenaga politik di peringkat atasan dengan begitu sahaja. Keputusan semalam adalah petanda baik bagi kesinambungan dan kestabilan bukan saja bagi Malaysia.